

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menyelesaikan kes-kes nelayan yang ditangkap oleh Jabatan Perikanan dan kes-kes yang ditangkap oleh Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia supaya nelayan-nelayan tersebut mendapat layanan yang sama di bawah undang-undang sungguhpun mereka ditangkap oleh agensi Kerajaan yang berlainan.

.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Yang di-Pertua,

1. Akta Perikanan 1985 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Perikanan untuk mengambil tindakan seperti mengenakan kompaun, menyita peralatan, menggantung atau membatalkan lesen vesel bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini.

2. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) juga menjalankan operasi penguatkuasaan berdasarkan Akta Perikanan [Akta 317] selaras dengan Akta APMM 2004 [Akta 633] di mana APMM mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan di dalam Zon Maritim Malaysia.

3. Pada tahun 2018, sebanyak 1,228 kes tangkapan yang direkodkan DOF, antaranya kesalahan seperti pencerobohan zon tangkapan, menangkap ikan tanpa lesen, penggunaan peralatan perikanan yang tidak dibenarkan dan penggunaan kru warganegara asing tanpa permit. Manakala sebanyak 475 kes tangkapan yang dilaporkan oleh APMM pada tahun yang sama.

4. Segala peruntukan kesalahan dan hukuman telah dinyatakan dengan jelas merujuk kepada kedua-dua Akta berkenaan untuk dijadikan sebagai asas pertimbangan bagi tindakan yang akan diputuskan oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya kepada nelayan yang melakukan kesalahan. Akta Perikanan 1985 juga memperuntukkan kuasa untuk pesalah membuat rayuan bagi meringankan hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah.

5. Sehubungan dengan itu, berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, tidak timbul isu perbezaan layanan walaupun mereka ditangkap oleh agensi Kerajaan yang berlainan.

Sekian, terima kasih.